

## **Tinjauan Persepsi Pelajar Terhadap Pelaksanaan Kurikulum Kursus Perguruan Lepas Ijazah (Rendah) Pengajian Cina**

oleh

**Yeoh Ben Chean**

**Yeoh We Thiam**

**Chin Yook Moi**

**Goh Ch'ng Hock**

Institut Perguruan Darulaman

### **ABSTRAK**

*Kajian ini bertujuan untuk meninjau persepsi pelajar terhadap pelaksanaan kurikulum Kursus Perguruan Lepas Ijazah Sekolah Rendah-Pengajian Cina (KPLI(R)-PC) di Institut Perguruan Darulaman (IPDA). Di samping itu, ia juga bertujuan untuk mengenal pasti masalah serta memperoleh cadangan pelajar dalam aspek pelaksanaan program Praktikum dan program Pengalaman Berasaskan Sekolah (PBS). Responden kajian terdiri daripada 40 orang pelajar KPLI(R)-PC ambilan Januari 2005. Alat kajian yang digunakan ialah soal selidik yang terdiri daripada soalan tertutup dan soalan terbuka. Data kajian dianalisis dengan pengiraan frekuensi dan peratusan dengan berbantuan perisian SPSS. Secara keseluruhan, dapatan kajian menunjukkan pelajar berpuas hati dengan pelaksanaan kurikulum KPLI(R)-PC. Walau bagaimanapun, masih terdapat beberapa aspek yang memerlukan penambahbaikan. Aspek-aspek yang dimaksudkan ialah isi kandungan kurikulum, tempoh kursus, program Praktikum, program Pengalaman Berasaskan Sekolah (PBS) dan tugas kursus.*

### **LATAR BELAKANG KAJIAN**

Pada tahun 2002, kerajaan telah menetapkan matlamat untuk menempatkan sekurang-kurangnya 50% guru yang mempunyai ijazah sarjana muda di sekolah-sekolah rendah di seluruh Malaysia menjelang tahun 2010. Bagi merealisasikan matlamat tersebut, Kursus Perguruan Lepas Ijazah Sekolah Rendah-Pengajian Cina (KPLI(R)-PC) telah digubal.

Kursus Perguruan Lepas Ijazah Sekolah Rendah (KPLI(R)) telah diperkenalkan mulai Januari 2003 untuk melatih guru siswazah dalam bidang perguruan sekolah rendah. Kurikulum ini digubal berasaskan keperluan mengoptimumkan perkembangan kognitif kanak-kanak, keperluan meningkatkan ilmu pedagogi dan pengalaman berasaskan sekolah rendah serta keperluan memupuk nilai positif dan amalan profesional di kalangan guru. Keperluan-keperluan tersebut diterjemahkan dalam kandungan kurikulum latihan perguruan yang mendefinisikan bagaimana seseorang guru perlu mereka bentuk pengajaran yang berkesan, mewujudkan suasana bilik darjah yang selesa dan kondusif untuk menimba ilmu serta memupuk ciri-ciri guru profesional yang disanjung tinggi oleh masyarakat. Kurikulum ini juga menuntut agar guru-guru yang mengikuti program latihan ini berketrampilan dalam penggunaan kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi (TMK).

Sehubungan itu, Bahagian Pendidikan Guru (BPG) telah merancang dan melaksanakan kurikulum Kursus Perguruan Lepas Ijazah Sekolah Rendah-Pengajian Cina (KPLI(R)-PC)

menerusi Institut/Maktab Perguruan terpilih bagi memenuhi keperluan tenaga pengajar di Sekolah-Sekolah Jenis Kebangsaan Cina. Tempoh kursus KPLI(R)-PC adalah selama satu tahun.

Institut Perguruan Darulaman (IPDA) merupakan salah satu institut perguruan yang dipilih untuk melaksanakan kurikulum KPLI(R)-PC. Kursus tersebut bermula pada Januari 2004. Pelajar ambilan pertama kursus ini telah dilatih selama setahun dan ditempatkan di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina selepas tamat pengajian. Pada tahun 2005, kurikulum KPLI(R)-PC diteruskan dengan harapan akan melahirkan lebih ramai lagi guru yang berijazah untuk mengajar di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina. Dari segi prasarana kursus, IPDA telah menyediakan kemudahan-kemudahan tertentu untuk memudahkan pembelajaran para pelajar.

### **Sukatan Pelajaran Bahasa Cina**

Sukatan Pelajaran Bahasa Cina (Major) Kursus Perguruan Lepas Ijazah (KPLI) Sekolah Rendah digubal dengan memberi penekanan yang lebih kepada pengetahuan pedagogi. Ia bertujuan membekalkan para pelajar dengan kemahiran pedagogi yang membolehkan mereka melaksanakan pengajaran dan pembelajaran (P & P) dengan lebih berkesan di sekolah rendah. Keberkesanan pelaksanaan P & P selanjutnya dapat melahirkan pelajar-pelajar yang berprestasi tinggi.

Isi kandungan kursus adalah seperti berikut:

• Pengajaran dan Pembelajaran Kemahiran Mendengar dan bertutur
• Pengajaran dan Pembelajaran Membaca dan Linguistik Asas
• Pengajaran dan Pembelajaran Menulis
• Kurikulum Bersepadu Bahasa Cina Sekolah Rendah dan Penyediaan Rancangan Mengajar
• Program Pengalaman Berasaskan Sekolah
• Program Praktikum

Komponen Pengalaman Berasaskan Sekolah (PBS) yang diperkenalkan ke dalam Sukatan Pelajaran Bahasa Cina juga merupakan satu pembaharuan yang ketara. Menerusi program tersebut, para pelajar yang membuat lawatan ke sekolah akan dapat meninjau pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran guru-guru. Aktiviti Pengalaman Berasaskan Sekolah (PBS) ini bertujuan membolehkan para pelajar mengumpul pengalaman dan meneliti perhubung-kaitan teori dan praktis serta membentuk watak melalui strategi pengalaman refleksi. Praktikum sekolah selama 12 minggu atau 3 bulan akan diadakan untuk membolehkan pelajar kursus mengaplikasikan apa yang dipelajari dalam situasi yang sebenar.

### **Matlamat KPLI Sekolah Rendah-PC**

Mata pelajaran Bahasa Cina (Major) KPLI Sekolah Rendah berhasrat untuk mencapai matlamat berikut:

- (1) Melahirkan guru siswazah yang berpengetahuan dan berkemahiran untuk mengajar Bahasa Cina di sekolah rendah.

- (2) Melahirkan guru siswazah yang berakhlak mulia, berpandangan progresif dan saintifik.
- (3) Melahirkan guru siswazah yang serba boleh dalam menggunakan pelbagai kecerdasan bagi meningkatkan tahap pencapaian pelajar sekolah rendah.
- (4) Membekal sekolah rendah dengan guru siswazah yang berilmu pengetahuan bagi menjamin asas pendidikan pelajar dapat dibentuk secara kukuh.

### **Kelayakan Akademik dan Profesional Tenaga Pengajar**

Bagi melaksanakan kurikulum Kursus Perguruan Lepas Ijazah Sekolah Rendah (KPLI(R)) ini, pensyarah haruslah mempunyai kelayakan akademik ijazah Pertama dalam bidang berkenaan dan kelayakan ikhtisas, iaitu Diploma Pendidikan atau Sijil Perguruan Asas. Sebaik-baiknya juga mempunyai ijazah Sarjana Pendidikan atau ijazah Kedoktoran dalam bidang berkaitan. Di samping itu, pensyarah perlu mempunyai pengalaman mengajar di sekolah rendah atau menengah sekurang-kurangnya lima tahun. Pensyarah yang mempunyai pengalaman berhubung dengan latihan perguruan peringkat sekolah rendah atau menengah juga boleh mengajar kursus ini.

### **Kelayakan Akademik Pelajar**

Pelajar yang mengikuti Kursus Perguruan Lepas Ijazah Sekolah Rendah (KPLI(R)) ini hendaklah mempunyai kelayakan akademik ijazah pertama dalam bidang yang diikuti. Selain itu, pelajar juga haruslah mempunyai sekurang-kurangnya kepujian di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) dalam mata pelajaran Bahasa Cina.

### **Objektif Kajian**

Kajian ini merupakan satu tinjauan persepsi pelajar terhadap pelaksanaan kurikulum Kursus Perguruan Lepas Ijazah (KPLI) dalam Sukatan Pelajaran Bahasa Cina. Ia bertujuan untuk membekalkan maklumat kepada pelaksana dan penggubal kurikulum sebagai langkah ke arah peningkatan mutu kurikulum tersebut. Penilaian kurikulum ini memberi tumpuan kepada aspek-aspek berikut:

- (1) Isi kandungan kursus
- (2) Prasarana yang disediakan
- (3) Pelaksanaan Praktikum
- (4) Pelaksanaan program Pengalaman Berasaskan Sekolah (PBS)
- (5) Masalah-masalah yang dihadapi oleh pelajar semasa mengikuti kursus tersebut

### **Soalan Kajian**

Kajian ini cuba menerokai soalan-soalan berikut:

- (1) Apakah persepsi pelajar KPLI(R)-PC terhadap isi kandungan kursus dalam membantunya berperanan sebagai guru Bahasa Cina yang efektif?
- (2) Sejauh manakah tempoh praktikum mencukupi untuk memperoleh pengalaman dalam pengajaran dan pembelajaran?
- (3) Apakah persepsi pelajar KPLI(R)-PC terhadap pelaksanaan program praktikum yang dilalui oleh mereka?

- (4) Sejauh manakah tempoh program Pengalaman Berasaskan Sekolah (PBS) mencukupi untuk memperoleh pengalaman dalam pengajaran dan pembelajaran?
- (5) Apakah persepsi pelajar KPLI(R)-PC terhadap program Pengalaman Berasaskan Sekolah (PBS) yang dilalui oleh mereka?
- (6) Apakah masalah-masalah pelajar KPLI(R)-PC semasa mengikuti kursus tersebut?
- (7) Apakah cadangan-cadangan pelajar KPLI(R)-PC untuk mempertingkatkan mutu kurikulum kursus tersebut?

### **Kepentingan Kajian**

Tinjauan persepsi pelajar terhadap kurikulum yang dilalui merupakan sebahagian daripada pembangunan kurikulum. Dalam konteks kajian ini, ia bertujuan mengumpul maklumat bagi mempertingkatkan kualiti kurikulum KPLI(R)-PC yang baru dibina dan dilaksanakan.

Menerusi kajian ini, keperluan pelajar dan kelemahan pelaksanaan kurikulum dapat dikenal pasti. Maklumat ini berguna bagi membantu pelaksanaan kurikulum di IPDA termasuk pensyarah dan pentadbir dalam membuat pertimbangan dan keputusan terhadap pelaksanaan KPLI(R)-PC pada masa akan datang.

Kajian ini juga membolehkan pengalaman IPDA dalam melaksanakan KPLI(R)-PC tersebut didokumen dan dimanfaatkan oleh Institut / Maktab Perguruan yang lain serta pelajar kursus yang akan menjadi guru di sekolah-sekolah rendah di seluruh Malaysia.

Dapatan kajian mungkin menjadi input berguna kepada penggubal kurikulum di BPG ketika membuat penyemakan dan pengubahsuaian kurikulum kursus tersebut.

### **Model Konseptual Pendidikan Guru**

Model Konseptual Pendidikan Guru dibina berasaskan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) dan Falsafah Pendidikan Guru (FPG) yang menekankan kepentingan tiga aspek asas iaitu pengetahuan, kemahiran dan nilai yang disepadukan merentasi semua disiplin mata pelajaran serta program yang dirancang.

Model Konseptual Pendidikan Guru mengutamakan akauntabiliti guru kepada tiga dimensi utama iaitu sendiri, kemasyarakatan dan ketuhanan. Model ini adalah sesuai dengan kurikulum KPLI(R)-PC yang ingin menghasilkan individu yang bertanggungjawab kepada diri sendiri, masyarakat dan juga negara.

### **Kurikulum KPLI(R)-PC**

Susunan kandungan dan peruntukan masa kurikulum KPLI(R)-PC adalah seperti ditunjukkan dalam Jadual 1.

Jadual 1. Susunan Kandungan Dan Peruntukan Masa

Komponen	Peruntukan Masa	Bilangan Kredit
Pengajaran dan Pembelajaran Kemahiran Mendengar dan Bertutur	30 jam	2
Pengajaran dan Pembelajaran Membaca dan Linguistik Asas	30 jam	2
Pengajaran dan Pembelajaran Menulis	30 jam	2
Kurikulum Bersepadu Bahasa Cina Sekolah Rendah dan Penyediaan Rancangan Mengajar	15 jam	1
Pengalaman Berasaskan Sekolah	*45 jam	1
Program Praktikum	12 minggu	6

\*45 jam Pengalaman Berasaskan Sekolah adalah sama dengan satu kredit pengajian

### Pengalaman Berasaskan Sekolah

Selama 10 minggu pada kadar sekali seminggu bagi setiap minggu, pelajar KPLI akan melawat ke sekolah membuat pemerhatian lapangan untuk mendapat pengalaman Sekolah Rendah dan maklumat dalam situasi sebenar di sekolah tentang teori, konsep, idea, prosedur, strategi dan proses yang dikuliahkan. Tajuk dan bidang pemerhatian yang ditugaskan ialah:

- (1) memerhati satu sesi pengajaran dan pembelajaran mengajar fonetik Bahasa Cina (Hanyu Pinyin) serta menghuraikan keberkesannya;
- (2) memerhati teknik penyediaan guru dan menganalisis aras soalan serta kesesuaian soalan-soalan yang ditanyakan itu;
- (3) memerhati sesi pengajaran untuk memperkenalkan kosa kata baru dan menganalisis keberkesanan kaedah yang digunakan;
- (4) memerhati satu sesi guru mengajar teknik 'membaca lantang' dan 'membaca senyap' dan menganalisis keberkesanan pelaksanaannya;
- (5) memerhati penggunaan alat bantu mengajar dan teknik penggunaan papan hitam oleh seseorang guru serta menilai kelebihan dan kelemahannya dalam pengajaran dan pembelajaran serta menghuraikan keberkesannya;
- (6) memerhati satu sesi pengajaran dan pembelajaran untuk mengamati cara guru mengajar pelajar menulis perkataan Bahasa Cina serta menghuraikan keberkesanan kaedah yang digunakan;
- (7) memerhati satu sesi mengajar menulis karangan dan menghuraikan keberkesanan pelaksanaannya;
- (8) memerhati salah satu kaedah pengajaran, iaitu berkumpulan, pemulihan, pengkayaan, bersepadu, penggabungjalinan dilaksanakan di bilik darjah serta menghuraikan kelebihan dan kelemahan pelaksanaannya;
- (9) memerhati salah satu teknik penyampaian (termasuk perbincangan, tunjuk ajar, main peranan, penyelesaian masalah, bercertia, dan lakonan) yang diamalkan guru serta menghuraikan keberkesanan pelaksanaannya;
- (10) memerhati salah satu kemahiran generik yang diamalkan guru serta menilai keberkesanan pelaksanaannya.

## **PELAKSANAAN PRAKTIKUM**

Pelajar KPLI(R)–PC akan menjalani praktikum di sekolah masing-masing selama 12 minggu. Praktikum memberi peluang kepada pelajar mengamalkan pengetahuan, kemahiran dan nilai keguruan secara reflektif dalam situasi bilik darjah dan sekolah sebenar di bawah bimbingan pensyarah pembimbing dan guru pembimbing. Pelaksanaan program peringkat ini diasaskan kepada ciri perkongsian pintar dan permuafakatan antara maktab perguruan, sekolah dan agensi-agensi lain yang berkaitan.

### **Objektif Program Praktikum**

Melalui program praktikum ini, pelajar dapat:

- (1) menyepadukan teori dengan amali pengajaran dan pembelajaran serta bimbingan dan kaunseling;
- (2) mengaplikasikan pelbagai strategi dan kemahiran pengajaran dan pembelajaran;
- (3) merancang dan melaksanakan pengajaran dan pembelajaran secara berpasangan dan individu dengan bimbingan;
- (4) mengenal pasti dan menyelesaikan masalah pengajaran dan pembelajaran;
- (5) memupuk sikap positif, meningkatkan jati diri serta menghayati dan mengamalkan nilai profesion keguruan;
- (6) memperkembang potensi diri sebagai pendidik atau guru bimbingan melalui pembinaan portfolio dengan mengamalkan refleksi dan penilaian sendiri dalam semua aspek tugas;
- (7) mengoptimumkan kegunaan sumber teknologi dalam pembestarian proses pengajaran dan pembelajaran serta perkhidmatan bimbingan dan kaunseling;
- (8) menguasai kemahiran pemudahcaraan;
- (9) menguasai pelbagai strategi, perancangan dan pelaksanaan aktiviti kokurikulum.

### **Bilangan Waktu Mengajar Semasa Praktikum**

Jadual 2 menunjukkan agihan waktu mengajar semasa praktikum.

- (1) Minimum 10 waktu mengajar seminggu.
- (2) Maksimum 12 waktu mengajar seminggu.
- (3) Pengajaran berpasangan perlu dilaksanakan sekurang-kurangnya sekali seminggu untuk tempoh 4 minggu pertama Praktikum. Bagi pelajar yang tiada rakan pelajar di sekolah yang sama, pengajaran berpasangan ini boleh dikendalikan dengan mendapatkan guru pembimbing atau guru mata pelajaran menjadi pasangan mereka.
- (4) Pelajar diwajibkan mengajar atau mengendalikan mata pelajaran major dan satu mata pelajaran minor.

Jadual 2. Agihan Waktu Mengajar

Kursus	Bilangan Waktu Mengajar Seminggu		
	Major	Elektif (Pilihan dua)	Minor (Pilihan satu)
KPLI (SR)	8 -10	-	2

### Tugas Penyeliaan Praktikum

Tugas-tugas penyeliaan praktikum adalah seperti berikut:

- (1) Pensyarah pembimbing akan membuat lawatan sosial pada awal tempoh praktikum.
- (2) Penyeliaan hendaklah berasaskan pencerapan klinikal.
- (3) Bimbingan berterusan mesti diamalkan sepanjang praktikum.
- (4) Penilaian hanya dibuat selepas bimbingan diberikan.
- (5) Pelajar akan diselia 5 kali oleh pensyarah pembimbing praktikum sepanjang tempoh
- (6) Penyeliaan bersama antara pensyarah dan guru pembimbing dibuat sekali sahaja pada akhir praktikum.

### Syarat Taksiran Prestasi Pelajar Dalam Praktikum

Syarat-syarat taksiran prestasi pelajar dalam praktikum adalah seperti berikut:

- (1) Asas taksiran untuk menetapkan prestasi pelajar adalah berdasarkan penilaian formatif dan penilaian sumatif.
- (2) Penilaian formatif dibuat secara berterusan oleh guru pembimbing dan pensyarah pembimbing dengan menggunakan Borang Bimbingan, iaitu Borang PR1.
- (3) Guru pembimbing dan pensyarah pembimbing membuat rumusan prestasi pelajar secara bersama dengan menggunakan Borang Penilaian, iaitu Borang `PR2.
- (4) Komponen penilaian prestasi pelajar dalam praktikum dibuat berasaskan kepada elemen-elemen seperti di dalam Jadual 3

Jadual 3. Komponen Penilaian Praktikum

Komponen Penilaian	Rujukan
1. Kemahiran Interpersonal dan Intrapersonal	Portfolio, perbincangan dengan pihak sekolah
2. Perancangan dan Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran	Borang bimbingan (Borang PR1), Portfolio
3. Pelaksanaan Kokurikulum	Portfolio
4. Peranan-peranan Lain	Portfolio

## METODOLOGI KAJIAN

### Subjek Kajian

Subjek kajian ini ialah pelajar ( $n = 40$ ) yang mengikuti KPLI(R)-PC selama 1 tahun yang dilaksanakan di IPDA mulai 5 Januari 2005 hingga 30 November 2005. Mereka terdiri daripada graduan-graduan dari universiti-universiti tempatan dalam pelbagai bidang. Di kalangan mereka, ada yang pernah menjadi Guru Sandaran Tidak Terlatih (GSTT) dan ada yang bekerja dalam jurusan yang lain seperti jurutera, eksekutif pemasaran, pegawai bank dan sebagainya. Kesemua subjek kajian ialah perempuan.

### Instrumen Kajian

Instrumen kajian terdiri daripada soal selidik. Soal selidik ini dibentuk berdasarkan objektif yang telah ditetapkan. Pelbagai jenis soalan telah dibentuk, iaitu:

- (1) Soalan tertutup  
Soalan tertutup telah dibentuk supaya boleh memperoleh jawapan yang lebih piawai dan ia dapat dibandingkan di antara satu sama lain. Soalan jenis ini juga lebih mudah untuk dianalisis .
- (2) Soalan terbuka  
Soalan terbuka juga dibentuk supaya pelajar boleh bebas memberikan jawapan. Melalui soalan terbuka, maklumat yang lebih lengkap dapat dikumpul.

Kedua-dua bentuk soalan telah digunakan untuk memperoleh maklumat yang lebih lengkap dan memudahkan proses analisis data.

Dalam borang soal selidik ini, rangka soalan dibahagikan kepada 4 bahagian iaitu Bahagian A, B, C dan D.

Bahagian A adalah berkenaan dengan latar belakang pelajar seperti jantina, umur, taraf perkahwinan, taraf pendidikan, pengalaman kerja dan lain-lain lagi. Maklumat ini adalah sangat penting kerana kesemua ciri tersebut akan mempengaruhi pembelajaran pelajar semasa mengikuti kursus KPLI(R)-PC.

Bahagian B pula adalah berkenaan dengan Kesesuaian Struktur Kurikulum dan Sukatan Pelajaran KPLI. Semua item dalam bahagian ini menggunakan skala Likert 5 poin. Penggunaan skala Likert 5 poin dipilih memandangkan ia membolehkan pengumpulan maklumat tentang darjah persetujuan atau kepuasan pelajar terhadap tiap-tiap item yang digunakan. Di samping itu, skala Likert dikatakan mempunyai darjah kepercayaan yang tinggi (Edwards, 1957). Poin yang paling tinggi ialah 5 sementara yang paling rendah ialah 1. Skala yang digunakan untuk soalan yang bertujuan mendapat respon dari segi perbezaan darjah persetujuan adalah seperti berikut:

Sangat Tidak Setuju (STS)	=	1
Tidak Setuju (TS)	=	2
Tidak Pasti (TP)	=	3
Setuju (S)	=	4



Sangat Setuju (SS) = 5

Dalam Bahagian B, soalan yang bertujuan memperoleh respon dari segi perbezaan darjah kepuasan tertentu dikemukakan. Maka skala yang berbeza digunakan dan ditunjukkan seperti berikut:

Tidak Memuaskan (TM) = 1  
 Kurang Memuaskan (KM) = 2  
 Sederhana (S) = 3  
 Memuaskan (M) = 4  
 Amat Memuaskan (AM) = 5

Bahagian C meliputi masalah-masalah yang dihadapi oleh pelajar semasa berkursus. Bahagian D pula mengandungi soalan terbuka untuk memperoleh cadangan-cadangan pelajar bagi mempertingkatkan lagi pelaksanaan kualiti kursus KPLI(R)-PC.

### Kaedah Menganalisis Data

Data yang terkumpul dianalisis untuk memperoleh frekuensi dan peratusan dengan berbantuan perisian SPSS.

## DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

### Data Demografi Responden

Jadual 4 menunjukkan data demografi responden berkenaan umur, taraf perkahwinan, kelulusan tertinggi Bahasa Cina dan pengalaman mengajar.

Jadual 4. Data Demografi Responden

Data Demografi	Frekuensi	Peratus
a. Umur		
21-25 Tahun	14	35.0
26-30 Tahun	22	55.0
>30 Tahun	4	10.0
b. Taraf Perkahwinan		
Berkahwin	24	60.0
Bujang	16	40.0
c. Kelulusan tertinggi Bahasa Cina		
SPM	35	87.5
STPM	5	12.5
d. Pengalaman Mengajar		
Pernah	20	50.0
Tidak Pernah	20	50.0

### Isi Kandungan Kurikulum

Dalam kajian ini, isi kandungan kurikulum dinilai dari segi sejauh manakah ia membantu pelajar berperanan sebagai guru Bahasa Cina yang efektif dari aspek melengkapkan mereka dengan pengetahuan mata pelajaran Bahasa Cina dalam perkara-perkara berikut:

- (1) Matlamat dan objektif kurikulum bersepadu sekolah
- (2) Matlamat dan objektif mata pelajaran sekolah
- (3) Isi kandungan mata pelajaran sekolah
- (4) Organisasi huraian sukatan pelajaran bagi mata pelajaran sekolah

Selain itu, kajian ini juga menilai sejauh manakah isi kandungan kurikulum melengkapkan pelajar dari segi kemahiran pedagogi seperti berikut:

- (1) Penyediaan perancangan pengajaran sesuai dengan sekolah.
- (2) Pelaksanaan aktiviti yang dirancang.
- (3) Penilaian pembelajaran yang dirancang dan dilaksanakan.

### Soalan Kajian (i)

Apakah persepsi pelajar KPLI(R)-PC terhadap isi kandungan kursus KPLI(R)-PC dalam membantunya berperanan sebagai guru Bahasa Cina yang efektif?

Jadual 5 menunjukkan 33 (82.5%) pelajar bersetuju bahawa isi kandungan kurikulum KPLI(R)-PC dapat melengkapkan mereka dengan pengetahuan dalam “matlamat dan objektif kurikulum bersepadu sekolah”, manakala 7 (17.5%) pelajar tidak pasti.

Jadual 5. Persepsi Pelajar Terhadap Kandungan Sukatan Pelajaran Dalam Melengkapkan Pelajar Dengan Pengetahuan Bahasa Cina

Pengetahuan Mata Pelajaran Bahasa Cina	5 SS	4 S	3 TP	2 TS	1 STS
a. Matlamat dan objektif kurikulum bersepadu sekolah	4 (10.0%)	29 (72.5%)	7 (17.5%)	-	-
b. Matlamat dan objektif mata pelajaran sekolah	4 (10.0%)	32 (80.0%)	4 (10.0%)	-	-
c. Isi kandungan mata pelajaran sekolah	4 (10.0%)	28 (70.0%)	6 (15.0%)	2 (5.0%)	-
d. Organisasi huraian sukatan bagi mata pelajaran sekolah	2 (5.0%)	26 (65.0%)	10 (25.0%)	1 (2.5%)	-

Seterusnya 36 (90.0%) pelajar bersetuju bahawa isi kandungan kurikulum tersebut dapat melengkapkan mereka dengan “matlamat dan objektif mata pelajaran sekolah”, manakala 4 (10.0%) pelajar tidak pasti.

Didapati 32 (80.0%) pelajar bersetuju bahawa isi kandungan kurikulum KPLI(R)-PC dapat melengkapkan mereka dengan pengetahuan dalam “isi kandungan mata pelajaran sekolah”, manakala 6 (15.0%) pelajar tidak pasti dan 2 (5.0%) pelajar tidak setuju.

Didapati juga 28 (70.0%) pelajar bersetuju bahawa isi kandungan kurikulum KPLI (R)-PC dapat melengkapkan mereka dengan pengetahuan dalam “organisasi huraian sukatan pelajaran bagi mata pelajaran sekolah”, manakala 10 (25.0%) pelajar tidak pasti dan 1 (2.5%) pelajar tidak setuju.

Jadual 6 menunjukkan data persepsi pelajar terhadap isi kandungan kurikulum dalam melengkapkan pelajar dengan kemahiran pedagogi. Didapati 35(87.5%) pelajar berpendapat bahawa isi kandungan kurikulum KPLI (R)-PC dapat melengkapkan mereka dengan kemahiran “penyediaan perancangan pengajaran sesuai dengan keperluan sekolah”, manakala 3 (7.5%) pelajar tidak pasti dan 2 (5.0%) pelajar tidak setuju.

Seterusnya didapati 38 (95.0%) pelajar berpendapat bahawa isi kandungan kurikulum KPLI (R)-PC dapat melengkapkan mereka dengan kemahiran “ pelaksanaan aktiviti yang dirancang”, manakala bilangan pelajar yang tidak pasti dan tidak setuju adalah 1 (2.5%) masing-masing.

Jadual 6. Persepsi Pelajar Terhadap Isi Kandungan Kurikulum Dalam Melengkapkan Pelajar Dengan Kemahiran Pedagogi

Kemahiran Pedagogi	5 SS	4 S	3 TP	2 TS	1 STS
a. Penyediaan perancangan pengajaran sesuai dengan keperluan sekolah	2 (5.0%)	33 (82.5%)	3 (7.5%)	2 (5.0%)	-
b. Pelaksanaan aktiviti yang dirancang	5 (12.5%)	33 (82.5%)	1 (2.5%)	1 (2.5%)	-
c. Penilaian pembelajaran yang dirancang dan dilaksanakan	3 (7.5%)	32 (80.0%)	5 (12.5%)	-	-

Didapati juga 35 (87.5%) pelajar bersetuju bahawa isi kandungan kurikulum KPLI (R)-PC dapat melengkapkan mereka dengan kemahiran “penilaian pembelajaran yang dirancang dan dilaksanakan”, manakala 5 (12.5%) pelajar tidak pasti.

## Prasarana Kursus

### Soalan Kajian (ii)

Apakah persepsi pelajar KPLI(R)-PC terhadap prasarana kursus yang disediakan oleh pihak Institut Perguruan Darulaman?

Jadual 7 menunjukkan 5 (12.5%) pelajar berpuas hati dengan kemudahan dan peralatan pengajaran dan pembelajaran yang disediakan oleh makmal komputer manakala 26 (65.0%) pelajar kurang puas hati.

Seterusnya didapati 14 (35.0%) pelajar berpuas hati dengan kemudahan dan peralatan pengajaran dan pembelajaran yang disediakan oleh koperasi manakala 11 (27.5%) pelajar kurang puas hati.

Didapati 8 (20.0%) pelajar berpuas hati dengan kemudahan dan peralatan pengajaran dan pembelajaran yang disediakan oleh pusat sumber manakala 17 (42.5%) pelajar kurang puas hati.

Jadual 7. Tanggapan Kepuasan Terhadap Kemudahan Pengajaran Dan Pembelajaran

Kemudahan Pengajaran Dan Pembelajaran	5 AM	4 M	3 S	2 KM	1 TM
a. Makmal komputer	-	5 (12.5%)	9 (22.5%)	16 (40.0%)	10 (25.0)
b. Koperasi	-	14 (35.0%)	15 (37.5%)	11 (27.5%)	-
c. Pusat sumber	1 (2.5%)	7 (17.5%)	15 (37.5%)	10 (25.0%)	7 (17.5%)
d. Modul pembelajaran	2 (5.0%)	20 (50.0%)	14 (35.0%)	3 (7.5%)	1 (2.5%)

Didapati juga 22 (55.0%) pelajar berpuas hati dengan kemudahan dan peralatan pengajaran dan pembelajaran yang disediakan oleh modul pembelajaran manakala 4 (10.0%) pelajar kurang puas hati.

## Program Praktikum

### Soalan Kajian (iii)

Sejauh manakah tempoh praktikum mencukupi untuk memperoleh pengalaman dalam pengajaran dan pembelajaran?

Analisis dapatan menunjukkan 82% pelajar (32 orang) bersetuju bahawa tempoh masa menjalankan praktikum selama 12 minggu adalah mencukupi untuk memperolehi pengalaman dalam pengajaran dan pembelajaran.

### Soalan Kajian (iv)

Apakah persepsi pelajar KPLI(R)-PC terhadap pelaksanaan program praktikum yang dilalui oleh mereka?

Jadual 8 menunjukkan data persepsi pelajar terhadap pelaksanaan praktikum. Didapati 36 (90%) pelajar berpuas hati terhadap bimbingan oleh penyelia praktikum.

Seterusnya terdapat 37 (92.5%) pelajar berpuas hati terhadap penilaian oleh penyelia praktikum.

Terdapat juga 37 (92.5%) pelajar berpuas hati terhadap kerjasama pihak sekolah, manakala 1 (2.5%) pelajar kurang puas hati.

Didapati 24 (60.0%) pelajar berpuas hati terhadap alat kelengkapan yang disediakan oleh pihak sekolah, manakala 3 (7.5%) pelajar kurang puas hati.

Jadual 8. Persepsi Pelajar Terhadap Pelaksanaan Praktikum

Pelaksanaan Praktikum	5 AM	4 M	3 S	2 KM	1 TM
a. Bimbingan oleh penyelia praktikum	15 (37.5)	21 (52.5%)	4 (10.0%)	-	-
b. Penilaian oleh penyelia praktikum	10 (25.0%)	27 (67.5%)	3 (7.5%)	-	-
c. Kerjasama pihak sekolah	15 (37.5%)	22 (55.0%)	2 (5.0%)	1 (2.5%)	-
d. Alat kelengkapan yang disediakan oleh pihak sekolah	8 (20.0%)	16 (40.0%)	13 (32.5%)	2 (5.0%)	1 (2.5%)

## Program Pengalaman Berasaskan Sekolah

### Soalan Kajian (v)

Sejauh manakah tempoh program Pengalaman Berasaskan Sekolah (PBS) mencukupi untuk memperoleh pengalaman dalam pengajaran dan pembelajaran?

Berdasarkan Jadual 9, terdapat 43.6% pelajar (17 orang) bersetuju bahawa tempoh masa menjalankan PBS selama 10 kali adalah mencukupi untuk memperoleh pengalaman dalam pengajaran dan pembelajaran.

Jadual 9. Tempoh masa menjalankan PBS selama 10 hari

Tempoh Pengalaman Berasaskan Sekolah (PBS)	Frekuensi	Peratus
Tempoh masa menjalankan PBS selama 10 hari adalah mencukupi	17	43.6

Daripada soalan terbuka, 84.6 % pelajar tidak bersetuju dengan program PBS dan mereka mencadangkan supaya program PBS dimansuhkan kerana ia mengganggu pentadbiran dan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran di sekolah.

### Soalan Kajian (vi)

Apakah persepsi pelajar KPLI(R)-PC terhadap program Pengalaman Berasaskan Sekolah (PBS) yang dilalui oleh mereka?

Jadual 10 menunjukkan 13 (32.5%) pelajar bersetuju bahawa Program Pengalaman Berasaskan Sekolah dapat meningkatkan kemahiran dalam pengurusan bilik darjah, manakala 12 (30.0%) pelajar tidak pasti dan 15 (37.5%) pelajar tidak setuju.

15 (37.5%) pelajar bersetuju bahawa Program Pengalaman Berasaskan Sekolah dapat meningkatkan pengetahuan dalam penggunaan pengajaran dan pembelajaran dengan berkesan, manakala 7 (17.5%) pelajar tidak pasti dan 18 (45.0%) pelajar tidak setuju.

Didapati juga 15 (37.5%) pelajar bersetuju bahawa Program Pengalaman Berasaskan Sekolah dapat meningkatkan pengetahuan dalam penggunaan alat bantu mengajar dengan berkesan, manakala 4 (10.0%) pelajar tidak pasti dan 21 (52.5%) pelajar tidak setuju.

Dapatan kajian menunjukkan 6 (15.0%) pelajar bersetuju bahawa mereka dapat menggunakan masa menjalankan PBS dengan optimum, manakala 6 (15.0%) pelajar tidak pasti dan 28 (70.0%) pelajar tidak setuju.

Jadual 10. Persepsi Pelajar Terhadap Keberkesanan Program Pengalaman Berasaskan Sekolah

Program Pengalaman Berasaskan Sekolah	5 SS	4 S	3 TP	2 TS	1 STS
a. Meningkatkan kemahiran dalam pengurusan bilik darjah	1 (2.5%)	12 (30.0%)	12 (30.0%)	14 (35.0%)	1 (2.5%)
b. Meningkatkan pengetahuan dalam penggunaan pengajaran dan pembelajaran dengan berkesan	-	15 (37.5%)	7 (17.5%)	15 (37.5%)	3 (7.5%)
c. Meningkatkan pengetahuan dalam penggunaan alat bantu mengajar dengan berkesan	-	15 (37.5%)	4 (10.0%)	16 (40.0%)	5 (12.5%)
d. Menggunakan masa menjalankan PBS dengan optimum	-	6 (15.0%)	6 (15.0%)	19 (47.5%)	9 (22.5%)

## **Masalah-Masalah Pelajar**

### **Soalan Kajian (vii)**

Apakah masalah-masalah pelajar KPLI(R)-PC semasa mengikuti kursus KPLI(R)-PC?

Jadual 11 menunjukkan 29 (72.5%) pelajar menghadapi masalah mata pelajaran lain agak membebankan, manakala 22 (55.0%) pelajar menghadapi masalah pemerolehan bahan rujukan.

Didapati 16 (40.0%) pelajar menghadapi masalah memahami isi kandungan kursus manakala 11 (27.5%) pelajar menghadapi masalah penyediaan tugasan.

Seterusnya, 6 (15.0%) pelajar pula menghadapi masalah kewangan dan masalah menyesuaikan diri dengan gaya pemudahcaraan pensyarah yang menekankan pembelajaran sendiri.

Sementara itu, 5 (12.5%) pelajar menghadapi masalah penguasaan kemahiran teknologi maklumat.

Didapati juga 4 (10.0%) pelajar menghadapi masalah interaksi dengan pensyarah dan masalah bimbingan pensyarah / tutor, manakala 3 (7.5%) pelajar menghadapi masalah kerjasama di kalangan peserta kursus.

Daripada soalan terbuka, masalah-masalah lain yang dikemukakan oleh pelajar adalah seperti berikut:

1. Kemudahan komputer

Pelajar mengalami pelbagai masalah penggunaan komputer untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran. Komputer di makmal komputer selalu bermasalah. Makmal komputer sering digunakan untuk perkuliahan. Kemudahan untuk melayari internet bagi mencari bahan demi penyempurnaan bagi tugasan tidak mencukupi. Selain itu, perisian pemerosesan program perkataan Bahasa Cina (Chinese Word Star) tidak disediakan. Juga didapati kekurangan kemudahan "wireless internet" dan sistem OPAC di pusat sumber.

2. Aktiviti di luar waktu kuliah

Pelajar terpaksa menyertai pelbagai aktiviti di luar waktu kuliah dan ini menyebabkan mereka kekurangan masa untuk menyiapkan tugasan dan membuat ulangkaji untuk peperiksaan.

3. Tugasan mata pelajaran bukan major

Pelajar berasa tugasan mata pelajaran bukan major yang diberi pensyarah berkenaan sangat membebankan apabila dibanding dengan jam kredit kuliah yang diperuntukkan.

4. Bahan rujukan

Bahan rujukan Bahasa Cina di pusat sumber institut kurang lengkap untuk membantu mereka dalam penyempurnaan tugas mereka.

Jadual 11. Masalah Yang Dihadapi Oleh Pelajar KPLI(R)-PC

Masalah-Masalah Pelajar	Frekuensi	Peratus
a. Mata pelajaran lain agak membebankan	29	72.5
b. Pemerolehan bahan rujukan	22	55
c. Memahami isi kandungan kursus	16	40
d. Penyediaan tugas	11	27.5
e. Kewangan	6	15
f. Menyesuaikan diri dengan gaya pemudahcaraan pensyarah yang menekankan pembelajaran sendiri	6	15
g. Penguasaan kemahiran teknologi maklumat	5	12.5
h. Interaksi dengan pensyarah	4	10
i. Bimbingan pensyarah / tutor	4	10
j. Kerjasama di kalangan peserta kursus	3	7.5
k. Masalah-masalah lain	9	22.5

### Cadangan Pelajar

#### Soalan Kajian (viii)

Apakah cadangan-cadangan pelajar KPLI(R)-PC untuk mempertingkatkan mutu kurikulum kursus KPLI(R)-PC?

Daripada soalan terbuka, cadangan-cadangan yang disarankan oleh pelajar adalah seperti berikut:

1. Tempoh Kursus  
Pelajar mencadangkan agar tempoh kursus KPLI(R)-PC harus dipanjangkan, iaitu 1½ tahun atau 2 tahun.
2. Jam interaksi mata pelajaran major  
Jam interaksi bagi mata pelajaran major, iaitu Bahasa Cina ditambah. Selain daripada bidang-bidang yang sedia ada, pelajar juga mencadangkan sukatan pelajaran Bahasa Cina KPLI(R)-PC harus merangkumi bidang kesusasteraan.
3. Peperiksaan  
Pelajar mencadangkan peperiksaan diadakan sebelum praktikum.

### PERBINCANGAN



Berdasarkan dapatan kajian, pada keseluruhannya kebanyakan pelajar bersetuju bahawa kandungan sukatan pelajaran dapat melengkapkan mereka dengan pengetahuan Bahasa Cina. Pelajar juga bersetuju bahawa isi kandungan kurikulum dapat melengkapkan mereka dengan kemahiran pedagogi. Walau bagaimanapun pelajar berharap bidang Kesusasteraan Cina dimasukkan ke dalam sukatan pelajaran kerana kebanyakan mereka bukan lulusan jurusan Pengajian Cina. Bidang tersebut didapati mampu memperkayakan ilmu kebudayaan dan kebahasaan Cina dan seterusnya mempertingkatkan keyakinan mereka dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Cina.

Kebanyakan pelajar berpendapat bahawa tempoh praktikum selama 12 minggu adalah mencukupi. Mereka juga berpuas hati dengan bimbingan dan penilaian oleh penyelia praktikum serta kerjasama yang diberikan oleh pihak sekolah. Manakala kebanyakan pelajar tidak bersetuju dengan pelaksanaan program Pengalaman Berasaskan Sekolah dan mencadangkan program ini dimansuhkan kerana mengganggu pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Guru-guru sekolah kurang selesa diperhatikan oleh pelajar pada sesi pengajarannya semasa program pelaksanaan Pengalaman Berasaskan Sekolah. Mereka anggap ini boleh mengganggu pengajaran dan pembelajaran mereka.

Pelajar tidak begitu berpuas hati dengan prasarana yang disediakan, misalnya kekurangan perisian program pemprosesan perkataan Bahasa Cina (Chinese Word Star) di bilik komputer dan bahan-bahan rujukan Bahasa Cina yang relevan di pusat sumber. Pelajar berpendapat bahawa tugas mata pelajaran bukan major sangat membebankan berbanding dengan jam kredit interaksi kuliah yang diperuntukkan. Selain ini, setengah pensyarah mata pelajaran minor atau elektif tidak memberi taksiran tugas berpandukan Jadual Penentuan Ujian (JPU). Pelajar juga terpaksa melibatkan diri dengan pelbagai aktiviti anjuran pihak institut selain aktiviti Gerko yang diwajibkan. Hal ini menyebabkan pelajar kekurangan masa untuk menyempurnakan tugas di samping menjejaskan interaksi kuliah.

### **CADANGAN**

Berikut dikemukakan beberapa cadangan untuk mempertingkatkan keberkesanan kurikulum KPLI(R)-PC:

1. Memandangkan kebanyakan pelajar bukan lulusan jurusan Pengajian Cina, maka dicadangkan bahawa bidang Kesusasteraan Cina dimasukkan ke dalam sukatan pelajaran.
2. Dicadangkan juga jam interaksi Bahasa Cina ditambah untuk memberi input yang lebih dalam pelbagai aspek pengajaran dan pembelajaran Bahasa Cina. Sehubungan itu, adalah dicadangkan bahawa tempoh KPLI(R)-PC dipanjangkan dari satu tahun ke satu setengah tahun.
3. Pelaksanaan program Pengalaman Berasaskan Sekolah (PBS) menghadapi pelbagai masalah. Maka dicadangkan bahawa program PBS dimansuhkan dan digantikan dengan Rancangan Orientasi Sekolah (ROS).

### **CADANGAN KAJIAN LANJUT**

Kajian ini hanya terdiri daripada pelajar KPLI(R)-PC di Institut Perguruan Darulaman sebagai subjek kajian. Untuk kajian yang akan datang, dicadangkan pelajar-pelajar daripada institut perguruan yang lain diambil sebagai subjek kajian agar satu pandangan atau keputusan yang lebih menyeluruh dan terperinci dapat diperolehi.

### **KESIMPULAN**

Pada keseluruhannya, didapati kursus KPLI(R)-PC berjaya membantu pelajar berperanan sebagai guru Bahasa Cina yang efektif. Walau bagaimanapun, beberapa isu yang muncul hasil daripada tinjauan ini perlu ditangani bagi meningkatkan kualiti pelaksanaan kurikulum KPLI(R)-PC.

### **RUJUKAN**

- Ahmad Mahdzan Ayob. (1997). Kaedah penyelidikan sosioekonomi. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bahagian Pendidikan Guru, Kementerian Pelajaran Malaysia (2005). Garis panduan praktikum. Putra Jaya: Bahagian Pendidikan Guru.
- Bahagian Pendidikan Guru, Kementerian Pelajaran Malaysia (2003). Sukatan Pelajaran Pengajian Bahasa Cina (Major). Putra Jaya: Bahagian Pendidikan Guru.
- Edward, A. L. (1951). Technique of attitudes scale construction. New York: Appleton Century Crafts.
- Kerlinger. F. (1973). Foundation of behaviour research. New York: Holt Rinehart & Winston.
- Lee Lai Guan et al. (1998). Penilaian pelaksanaan kurikulum KDP 14 minggu latihan guru sekolah bestari. Jitra: Institut Perguruan Darulaman.
- Mok Soon Sang (2003). Ilmu pendidikan untuk KPLI: Sekolah rendah: Komponen 1 & 2 – Psikologi pendidikan & pedagogi. Selangor: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Mok Soon Sang (2004). Ilmu pendidikan untuk KPLI: Komponen 3: Profesionalisme keguruan sekolah rendah. Selangor: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Ragbir Kaur A/P Joginder Singh (2005). Panduan ulangkaji untuk Kursus Perguruan Lepas Ijazah (KPLI) sekolah rendah dan menengah. Selangor: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Worthen, B. R. & Sanders, J. R. (1973). Educational evaluation: Theory & practice. Worthington, Ohio: Charles A. Jones.